

09 AUG 1997

LEAD Mahathir-Rasuah

K'JAAN TENTUKAN KEDUDUKAN CENDERAMATA KEPADA AHLI POLITIK, KATA PM

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menentukan sama ada sesuatu cenderamata itu boleh disimpan oleh ahli politik atau diserahkan kepada kerajaan.

Katanya, langkah itu adalah untuk mengelakkan cenderamata itu daripada disalah anggap sebagai satu bentuk rasuah, terutamanya apabila sesuatu cenderamata yang diterima itu bernilai tinggi.

"Kita akan tentukan yang mana cenderahati, cenderamata yang boleh diterima, yang mana yang patut diserahkan kepada Kementerian Kewangan supaya dinilai dan jika dikehendaki boleh dibeli balik oleh orang itu atau disimpan terus oleh Kementerian Kewangan atau hadiah itu diserahkan sahaja kepada kerajaan," katanya.

Beliau yang bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini sebelum itu berkata, semua pemimpin parti komponen BN bersetuju untuk memerangi rasuah di kalangan anggota BN tanpa pilih kasih.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata sehingga ini kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai cenderamata yang boleh atau tidak boleh disimpan oleh ahli-ahli politik kerana perkara itu dalam keadaan tertentu agak rumit.

"Makanan itu susahlah sikit, nasi lemak nak hantar ke kementerian, jadi kadang-kadang kita benarlah dia makan, kita halalkan dia. Buahpun macam itu juga halal bagi dia makan, tapi kalau buah itu dibuat dengan emas, itu lain sikit," katanya.

Dr Mahathir berkata adalah menjadi amalan di Malaysia iaitu dalam apa juga upacara, cenderamata atau cenderahati disampaikan dan ia kadang-kadang sebagai token sahaja dan kadang-kadang bernilai tinggi.

Ditanya sama ada peraturan itu meliputi ahli politik dan kakitangan awam, beliau berkata: "kita bercakap waktu ini berkenaan dengan ahli politik sahaja tetapi saya fikir samalah juga dengan kakitangan awam."

Sementara itu, Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat berkata, peraturan itu adalah selaras dengan Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 yang diluluskan Dewan Rakyat baru-baru ini yang mengkehendaki sesuatu cenderamata yang bernilai lebih RM2,000 diisytiharkan kepada Perbendaharaan.

Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan memberi taklimat mengenai peraturan baru itu kepada kerajaan-kerajaan Negeri kerana Kerajaan Persekutuan sudah faham mengenainya.

"Yang kurang daripada RM2,000 (nilai cenderamata) tak payah, tapi yang lebih daripada RM2,000 kena isytihar kepada Perbendaharaan, apakah bentuk-bentuknya mesti dijelaskan oleh BPR," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerumitan mungkin timbul dalam menentukan bentuk cenderamata yang harus diserahkan kepada kerajaan kerana sesetengah daripadanya tidak praktikal untuk dibuat demikian.

"Kalau dia dapat buah epal dia boleh makan, kalau dia dapat barang lain dia kena beritahu tetapi sepertimana saya katakan tadi, dia rumit sikit kerana banyak hadiah-hadiah ini dan sesetengahnya tak praktikal kita nak serah balik kepada Kementerian Kewangan, kerana kita tahu hari-hari kita dapat hadiah.

"Umpamanya saya pergi ke satu pameran baru-baru ini, setiap gerai memberikan saya sesuatu, bagi mereka ia adalah satu promosi dan saya cuma

alat untuk mempromosikan barangan mereka.

"Saya tak pakai itu...telefon apa banyak-banyak saya nak buat apa jadi semua itu saya hantar balik, tapi kadang-kadang bila kita tandatangan sesuatu, pen yang digunakan itu diberikan dengan ada nama dan sebagainya, benda ini kita akan timbang yang mana boleh disimpan dan yang mana tidak," katanya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menjelaskan bahawa pada masa ini tanpa peraturan barupun, hadiah-hadiah yang diterima oleh Perdana Menteri semuanya diserahkan kepada Galeria Perdana dan yang lainnya ada dalam registri Jabatan Perdana Menteri dan peraturan ini cuma untuk menjelaskan supaya ia digunakan untuk seluruh negara.

Dr Mahathir berkata, hadiah-hadiah seperti kereta yang diberikan kepada beliau telah diserahkan kepada kerajaan.

Mengenai hadiah-hadiah yang diberikan oleh parti-parti komponen BN kepada Pengerusi BN ia disimpan di pejabat BN, katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa BN telah menyediakan Kod Etika untuk ahli-ahli politik yang terlibat dalam pentadbiran negeri dan pusat dan ia akan diguna pakai oleh semua.

Katanya, tindakan undang-undang akan diambil terhadap mana-mana pemimpin dan anggota BN yang didapati terlibat dengan rasuah dan mereka perlu menerima hakikat bahawa mereka akan disiasat dan jika ada bukti dihadapkan ke mahkamah mengikut Akta Pencegahan Rasuah yang baru diluluskan oleh Dewan Rakyat.

"Kita hendak mendirikan kerajaan BN yang bersih dan untuk ini kita tidak ada pilihan," katanya.

Dr Mahathir berkata tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka yang terlibat tanpa mengira kedudukan mereka dalam BN atau persahabatan mereka dengan mana-mana pihak. -- BERNAMA

AFY ES AKD